



Ruj. Kami : JANM.JHR.600-1/3/24(08)

Tarikh : 7 September 2026
25 Rabiulawal 1448H

**KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN PEMANTAUAN STATUS PEMBAYARAN (TERPERINCI) BAGI
ARAHAN PEMBAYARAN DAN PEMANTAUAN STATUS PEMBAYARAN
(TEPERINCI) BAGI PESANAN KERAJAAN SEHINGGA 31 OGOS 2026.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103(a), Ketua Jabatan hendaklah meminta supaya bil dan tuntutan disampaikan dengan segera dan memastikan bahawa bil dan tuntutan itu dibayar dengan segera dalam tempoh 14 hari dari tarikh ia diterima dengan lengkap dan sempurna.
3. Berdasarkan Laporan Status Pembayaran (Terperinci) bagi Arahan Pembayaran dan Laporan Status Pembayaran (Terperinci) bagi Pesanan Kerajaan sehingga 31 Ogos 2026, terdapat transaksi Pesanan Kerajaan dan Arahan Pembayaran yang belum selesai pembayaran (belum berstatus 80) di sistem iGFMAS melibatkan PTJ dibawah seliaan YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.
4. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk membuat semakan bagi laporan tersebut di pautan <https://tinyurl.com/48afbyb2> dan mengemaskini status tindakan di ruangan catatan. Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan pegawai Unit Pengurusan Dana, Puan Anuratha a/p Khatheresen (1052) atau Puan Sharina binti Sharin (1048) di talian 07-2249244 atau e-mel kepada dana_jhr@anm.gov.my.
5. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD SUFFIAN BIN ARIS C.A(M), CPA (Aust), ASEAN CPA)
b.p Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor